

TEKS UCAPAN
Y. BHG. BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN BIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA
MAJLIS MAKAN MALAM
MAJLIS KERJASAMA KETUA-KETUA PUSAT PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN IPTA MALAYSIA (MAGNETIC) DAN PETMAL
OIL HOLDINGS (M) SDN BHD
28 DISEMBER 2011

Bismillahirrahmanirrahim

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Baharuddin Bin Aris, Pengurus (MAGNETIC),

Yang Berbahagia Dato Paduka Long Mohd Noor Affendi Long Ibrahim, Ketua Pengarah Eksekutif Petmal Oil Holdings Sdn. Bhd.

Yang Berbahagia Dato' Mohd Ariff Amran Hmdi, Pengarah Eksekutif Petmal Oil Holdings Sdn. Bhd.

Yang Berbahagia Scientia Professor Dr. Veena Sahajwalla, Director Centre for Sustainable Materials Research & Technology, University of New South Wales

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Zul Azhar Bin Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Akademik & Antarabangsa)

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha, Dr. Ku Mohd Nabil Bin Ku Hamid@Ku Ismail, Pengarah Unit Pengajaran dan Pembelajaran,

Yang Diraikan Ketua-ketua Pusat Pengajaran dan Pembelajaran IPTA Malaysia Ketua-Ketua Jabatan Pengajian Tinggi (JPT),

Ketua-Ketua Akademik Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), Deligasi dari Petmal Oil Holdings Sdn. Bhd.

Sekretariat MAGNETIC dari (Universiti Teknologi Malaysia), Sekretariat UniMAP dan seterusnya hadirin hadirat sekalian.

**Sayang kumbang mencari makan,
Terbang seiring di tepi kali,
Selamat datang kami ucapkan,
Moga diiring restu Ilahi.**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T di atas rahmat dan inayahNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada malam yang sungguh indah dalam satu suasana yang ceria dan bermakna buat kita semua.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir. Saya amat berbesar hati dengan kehadiran semua Ketua-ketua Pusat Pengajaran dan Pembelajaran seluruh IPTA Malaysia, Ketua-Ketua Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), dan Ketua-ketua Akademik Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) serta delegasi dari Petmal Oil Holdings Sdn. Bhd kerana dapat hadir dan berkumpul di majlis yang berbahagia ini.

Hadirin sekalian,

Sepertimana yang kita sedia maklum, Majlis Kerjasasama Ketua-Ketua Pusat Pengajaran Dan Pembelajaran IPTA Malaysia atau lebih dikenali sebagai MAGNETIC, memainkan peranan yang penting dalam pembentukan dan penambahbaikan sistem

pengajaran dan pembelajaran untuk digunakan oleh semua IPTA di Malaysia.

Dengan kewujudan MAGNETIC, saya percaya mutu dan sistem pendidikan tinggi di negara ini akan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa setaraf dengan negara-negara maju, sekaligus dapat menjadikan Malaysia sebagai hub atau pusat rujukan ilmu pengetahuan di Asia mahupun dunia.

Di UniMAP juga, kita mempunyai unit yang bertanggungjawab memantau dan memastikan sistem pengajaran dan pembelajaran mengikuti kehendak semasa pendidikan tinggi. Unit Pengajaran dan Pembelajaran UniMAP ditubuhkan pada 7 Jun 2004 dan diletakkan di bawah Jabatan Canselor, yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM).

Fokus utama Unit Pengajaran dan Pembelajaran ialah untuk memantau perkembangan tenaga akademik dengan mengadakan bengkel, kursus dan juga Program Pensijilan Pengajaran IPT menggunakan modul baru iaitu Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran sebagai pendekatan kepada pensyarah-pensyarah untuk lebih komited dalam meningkatkan lagi tahap profesionalisme tenaga akademik.

Selain itu, unit ini juga memberi tumpuan dalam pembangunan pelajar-pelajar dengan menyediakan khidmat bimbingan kaunseling kepada pelajar-pelajar secara berterusan untuk membentuk kepercayaan terhadap potensi diri, cara, gaya dan belajar kearah merealisasikan misi dan visi UniMAP. Antara

pendekatan yang digunakan ialah Kaunseling Individu, Kelompok, Psiko-sosial serta bimbingan akademik dan kerjaya. Kursus-kursus untuk para pelajar juga disediakan untuk meningkatkan kemahiran para pelajar selaras dengan hasrat universiti untuk melahirkan pelajar-pelajar cemerlang khusus dalam bidang kejuruteraan di masa akan datang.

Hadirin sekalian,

Saya percaya melalui mesyuarat yang diadakan seperti ini dapat membawaikan pelbagai ide dan pandangan dalam merangka sistem pembelajaran yang berkesan demi untuk melahirkan modal insan kamil yang mampu mencerna kreativiti dan mencetus inovasi seperti yang dihasratkan oleh Perdana Menteri kita Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dalam ucapannya semasa pembentangan budget 2012 baru-baru ini. Saya yakin ini akan menjadi platform terbaik untuk mengukuhkan lagi kecemerlangan pembelajaran dan pengajaran supaya penyampaiannya lebih relevan dengan perubahan pendidikan pada masa kini.

Akhir kata, saya berharap melalui perbincangan kali ini lebih banyak penambahbaikan dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia akan dapat ditingkatkan.

Saya mewakili semua warga UniMAP ingin menyusun sepuluh jari memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan dalam perlaksanaan majlis ini. Sesungguhnya ‘*Yang baik itu datang dari Allah SWT, yang buruk itu dari kelemahan kami, warga UniMAP itu sendiri*’.

Sekian. Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.